

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHARU)**

**TAJUK : MAJLIS TINDAKAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU) SELANGOR**

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan dasar, pelan dan aktiviti yang dilaksanakan oleh Majlis Tindakan Orang Kelainan Upaya (OKU) Selangor.
- b) Senaraikan badan bukan kerajaan (NGO) yang menyertai Majlis Tindakan Orang Kelainan Upaya (OKU) Selangor.
- c) Adakah negeri lain juga menubuhkan majlis seperti ini?

**JAWAPAN:**

- a) Penubuhan Majlis Tindakan Orang Kelainan Upaya (OKU) Selangor yang dikenali sebagai MTOS menzahirkan sokongan dan keprihatinan Kerajaan Negeri dalam mengiktiraf golongan OKU di Selangor agar turut sama berperanan positif di dalam arus pembangunan negeri serta membantu Kerajaan Negeri bagi memantau dan memberi saranan penambahbaikan demi kesejahteraan masyarakat OKU di Selangor.

MTOS telah menggariskan 11 pelan tindakan yang akan dilaksanakan dalam mencapai misi MTOS iaitu 'OKU Berdaya, Masyarakat Berjaya' seperti berikut :

- (1) Merangka Dasar OKU Selangor dengan menggariskan pelan jangka panjang dan pendek yang paling berkesan untuk semua kategori golongan OKU.
- (2) Meningkatkan advokasi dengan kempen positif tentang kesedaran dan hak yang dianjurkan secara besar-besaran untuk menyedarkan masyarakat tentang isu-isu penting berkenaan dengan OKU seperti kepentingan intervensi awal (EIP), kepentingan memberi pendidikan inklusif dan menggalakkan institusi menerima OKU untuk bekerja dengan peningkatan kerjasama pihak swasta (*public-private partnership*).

- (3) Meningkatkan kadar pendaftaran dan pemeriksaan kesihatan dan akses kesihatan kepada golongan OKU di Selangor dengan mendokong kepercayaan bahawa kesihatan dan akses kepada kesihatan adalah hak asasi manusia.
- (4) Menyediakan direktori OKU, direktori pusat intervensi awal, pusat kesihatan, pemulihan, terapi fizikal dan cara kerja, pusat latihan vokasional dan pusat pendidikan OKU atau mesra OKU di seluruh Selangor.
- (5) Menambahkan program latihan, pelan pemberdayaan dan advokasi untuk memberi peluang pekerjaan kepada golongan OKU dengan menyasarkan sekurang-kurangnya jumlah 1% golongan OKU di dalam setiap syarikat/organisasi.
- (6) Merangka pelan penambahbaikan kepada undang-undang dan peraturan sedia ada yang melibatkan kepentingan OKU di Selangor dengan meningkatkan penguatkuasaan dan kepatuhan kepada penjagaan hak OKU.
- (7) Meningkatkan pendidikan inklusif dengan menambah advokasi, program intervensi awal dengan penambahan pusat pendidikan intervensi awal (EIP) dan penambahbaikan program sedia ada dengan mensasarkan penglibatan semua tadika di Selangor di mana tadika atau taman asuhan setiap DUN akan menjadi mesra dan inklusif terhadap anak-anak OKU bagi mendapat pendidikan awal yang berkualiti.
- (8) Merangka pelan aksesibiliti dan pembangunan infrastruktur mesra OKU dan mengenalpasti kaedah penguatkuasaan terbaik bagi menjadi ruang awam mesra OKU.
- (9) Merangka pelan untuk memastikan penglibatan dan penerimaan masyarakat terhadap OKU sama ada dari segi penglibatan sosial atau pekerjaan melalui penambahan sukarelawan bagi meningkatkan penglibatan orang awam dan masyarakat dalam penjagaan dan pemberdayaan golongan OKU.
- (10) Mengumpulkan data dan kajian bagi tujuan penubuhan Institut OKU Selangor sebagai sebuah institusi kajian, latihan tentang falsafah

pendidikan OKU dan metodologi pemulihan OKU dan memperkenalkan pengajian latihan lanjutan bagi golongan OKU.

(11) Mengambil apa jua langkah yang difikirkan sesuai, patut dan bermanfaat di dalam usaha membangun, menganjurkan dan menguatkuasakan hak-hak OKU di dalam menjamin kesihatan, kebajikan dan pendidikan bagi OKU.

b) MTOS diterajui oleh barisan ahli jawatankuasa yang dipilih hasil daripada Bengkel Sekretariat OKU yang diadakan pada 12-13 Oktober 2018 lalu dan dihadiri oleh 43 orang wakil daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan jabatan/agensi kerajaan seperti berikut :

- (1) Kids Campus Academy
- (2) Persatuan Taska Negeri Selangor
- (3) Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Selangor
- (4) CBR Network
- (5) Kolej Perkembangan Awal Kanak-Kanak (Early Years Development Sdn Bhd)
- (6) Inisiatif Sokongan Autisme Nouri Berhad (INSANI) Akademi Autisme INSANI
- (7) Sekretariat OKU Selangor
- (8) Taska Andra
- (9) Pusat Psikologi Dan Rehabilitasi Atfal Jannah
- (10) National Association Of Learning Disabilities (LD-Hope)
- (11) Institut Kefahaman Islam Malaysia
- (12) Majlis Kebajikan Dan Pembangunan Masyarakat Selangor
- (13) Perbadanan MBI Selangor
- (14) Fahda Nur Right Foundation

Selain daripada senarai NGO, jabatan dan agensi yang dinyatakan di atas, MTOS sentiasa membuka dan mengalu-alukan penglibatan dan penyertaan kepada mereka yang ingin turut menyumbang secara positif dalam pemberdayaan dan kesejahteraan golongan OKU di Selangor.

c) Buat masa ini, Selangor merupakan negeri pertama yang menubuhkan Majlis Tindakan Orang Kurang Upaya (OKU) ini.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB  
(N18 HULU KELANG)**

**TAJUK : MANFAAT HUBUNGAN DENGAN MAHASISWA SELANGOR TIMUR  
TENGAH**

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah manfaat jangka panjang daripada hubungan, program dan bantuan yang disalurkan kepada mahasiswa Selangor Timur Tengah?

**JAWAPAN:**

- a) Mahasiswa dan mahasiswi kita di Timur Tengah pada ketika ini berada di empat buah negara yang di dalam kelolaan dan kawalan Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam. Negara tersebut ialah Jordan, Maghribi, Mesir, Madinah dan Mekah dan di keempat-empat *locality* ini yang paling besar adalah di Mesir. Justeru, pihak Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa lawatan Timur Tengah untuk membincangkan beberapa perkara khususnya yang melibatkan persoalan ummah dan keilmuan dan berkenaan dengan isu-isu semasa termasuk hal kebajikan dan juga nasib mahasiswa mahasiswi di Timur Tengah yang sudah pastinya menimbulkan hubungan hubungan dua hala di antara pihak Kerajaan Negeri dengan bakal-bakal graduan Timur Tengah yang akan pulang khususnya menjadi pendakwah-pendakwah di Malaysia dan juga Negeri Selangor.

Selain itu, kita sudah pasti ingin membuka peluang lain kepada mahasiswa mahasiswi dan graduan Timur Tengah di antaranya menceburkan diri dalam bidang teknikal dan vokasional dan tidak ketinggalan keterlibatan mereka dalam menyemarakkan dan menyuburkan industri halal selain terlibat dengan industri, terlibat selaku imam ataupun pendakwah selepas pulang dan selepas lulus dalam pengajian mereka.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SYAMSUL FIRDAUS BIN MOHAMED SUPRI  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : PROJEK RUMAH MAMPU MILIK**

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini pembinaan projek rumah Selangorku di PJS4?
- b) Apakah kategori pemohon yang layak untuk mendapatkan peluang memiliki kediaman di projek tersebut?
- c) Adakah rakyat di kawasan Taman Medan diberi keutamaan untuk pemilikan kediaman tersebut?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, status terkini pembinaan projek Rumah Selangorku di PJS4 yang dimajukan oleh Tetuan Tact Mission Sdn Bhd adalah sedang berjalan dengan lancar dan status kerja di tapak didapati teratur seperti mana yang dirancang. Berdasarkan laporan tapak yang dikemukakan oleh pemaju, kerja pembinaan secara keseluruhan telah mencapai 46% siap. Kerajaan Negeri melalui LPHS amat yakin akan sasaran siap pembinaan dengan memperolehi Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan pada bulan September 2020.
- b) Kategori pemohon yang layak untuk mendapatkan peluang memiliki Rumah Selangorku Jenis D tertakluk kepada syarat Penawaran Terbuka kepada pemohon seperti berikut :
  - i. Warganegara Malaysia;
  - ii. Berumur 18 tahun dan ke atas;
  - iii. Pendapatan pemohon sehingga RM10,000 sebulan.
  - iv. Pemohon tidak mempunyai sebarang jenis rumah kediaman di Selangor.
  - v. Pemohon yang telah memiliki rumah kos rendah (Jenis A) selama lima (5) tahun ke atas boleh memohon Rumah Selangorku Jenis B, C dan D dengan syarat mengemukakan surat permohonan bersekali dengan salinan Perjanjian Jual-Beli.

- vi. Pemilikan rumah bukan berdasarkan isirumah tetapi berdasarkan individu;
  - vii. Permohonan pindah milik hanya dibenarkan selepas 5 tahun dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri;
  - viii. Pemohon perlu berdaftar di atas talian laman sesawang LPHS.
- c) Kelayakan permohonan pemohon adalah tertakluk kepada syarat Penawaran Terbuka yang dinyatakan pada para (b) dan bukan faktor keutamaan kepada penduduk di kawasan Taman Medan sebagai kelayakan untuk mendapat kediaman tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LIM YI WEI  
(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : INDUSTRI KESENIAN SELANGOR**

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan industri kesenian Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- a) Maksud atau pengertian “kesenian” adalah merujuk kepada perkara berkaitan seni sama ada tampak (ketara) atau tidak tampak (tak ketara). “Seni tampak” merujuk kepada apa-apa juga kerja seni atau kerja tangan seperti ukiran, pembuatan arca, lukisan senibina, tekstil, alat muzik, senjata dan sebagainya. “Seni tak tampak” adalah apa-apa juga yang dihasilkan dari gerak badan, suara atau bunyi termasuk dari alat-alat muzik atau seumpamanya. Kesenian ini terdapat 4 bahagian iaitu “seni suara”, seni gerak”, “seni rupa” dan “permainan tradisional”.

Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT) adalah diberi tanggungjawab dalam melestari dan mengembangkan kesenian Selangor. PADAT telah merangka dan melaksanakan pelbagai program dan insentif dalam melestarikan warisan kesenian Selangor, antaranya:

1. PADAT telah mengetengah dan memartabatkan seni muzik cempuleng ethnik Jawa untuk diiktiraf sebagai permainan muzik Selangor. Program untuk merakatkan muzik ini telah bermula dengan menubuhkan kumpulan cempuling di tiga belas (13) buah sekolah terpilih dari seluruh daerah dengan membekalkan set cempuling berserta dengan tenaga pengajarnya. Walau bagaimana pun sehingga kini terdapat seramai 26 kumpulan cempuling yang didaftar di bawah PADAT. Bagi memastikan kesinambungannya, insentif telah dilaksanakan terutama kepada kumpulan cempuling sedia ada dengan menganjurkan persembahan-persembahan dan pertandingan. PADAT juga sedang mengatur satu program gala iaitu mengadakan simponi cempuleng yang dijangkakan akan menampilkan 300 orang pemain cempuleng yang akan diadakan di Teater Shah Alam. Tarikhnya akan bergantung kepada kesediaan pelapis-pelapis muda tadi mampu untuk mengadakan persembahan ini. Antara kejayaan program cempuleng ini ialah

mencatat “Malaysia Book of Record” dengan bermain cempuling selama 25 jam tanpa henti.

2. PADAT juga telah berjaya mengadakan bengkel pembuatan alat-alat muzik tradisional pada tahun 2018 yang lalu dan telah dapat melatih seramai 35 orang peserta. Sebahagian pelatih ini diharapkan akan dapat bergiat dalam pembuatan alat-alat muzik tradisional yang semakin pupus, bagi tujuan kegunaan permainan muzik atau untuk dijual sebagai cederamata pelancong.
3. Bagi skala yang lebih besar PADAT sedang dalam rangka menubuhkan Muzium Tekstil Selangor di Bangunan Anggerik Shah Alam dimana muzium ini bukan sahaja mempamerkan hasil seni halus tekstil tetapi juga menjadi pusat pengembangan dan pembuatan seni tenun berbagai-bagai jenis tekstil diantaranya tekat gubah, membatik, songket, kelingkan, telepok dan sebagainya. Program ini adalah dalam rangka membangunkan semula industri kraf untuk tujuan komersial terutama yang berunsurkan warisan Selangor.
4. Pihak PADAT sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Pelajaran Negeri Selangor dalam menganjurkan Ekspresi Tari Selangor setiap tahun. Program ini bertujuan menghimpunkan pelajar sekolah dalam pertandingan tarian bagi kategori Sekolah Rendah, Sekolah Menengah dan Terbuka. Kaedah ini adalah cara berkesan untuk mendedahkan dan menanam minat kepada generasi muda terhadap seni tari dan muzik tradisional.
5. “Semarak Warisan” merupakan program kesenian yang dilaksanakan pada hari Ahad minggu kedua setiap bulan. Program ini diadakan di lobi dan perkarangan muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah berbagai-bagai permainan tradisional, konservasi artifak, mari bermain muzik tradisional, cara berbusana, dan mengenali tarian kita.
6. “Semarak Seni dan Budaya” (SENADA), merupakan program yang akan dimulakan pada bulan April, setiap malam minggu, mulai jam 9.00 malam hingga jam 11 malam di pentas utama di Dataran Shah Alam. Program anjuran bersama dengan Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Kebudayaan Negeri Selangor dan Jabatan Kebudayaan Selangor. Program ini akan menampilkan kebudayaan pelbagai kaum di negeri Selangor seperti Cina, India, Sikh, Orang Asal dan etnik Melayu. Tujuan utama program ini adalah untuk mengenegahkan kebudayaan warisan tempatan Selangor di samping menjadi wadah penduduk tempatan dan juga pelancong-pelancong yang tinggal di hotel-hotel persekitaran Lembah Klang



7. Pameran khas “Orang Asli” akan diadakan bagi mengenengahkan kesenian dan warisan kraf orang asli pada bulan Julai akan datang. Ianya diadakan dengan kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Halehwal Orang Asli.
8. “Teater Bangsawan Salang Ur” Teater Bangsawan, produksi kerjasama PADAT dengan Persatuan Teater dan Seni Selangor dan Majlis Kebudayaan Negeri Selangor pada bulan November 2019 di Teater Shah Alam.
9. “Temasya Seni Silat Melayu” merupakan program dwi tahunan anjuran PADAT berkonsepkan pertandingan seni silat tradisional. Kebiasaannya akan disertai lebih dari 30 buah pertubuhan seni silat dari seluruh negeri Selangor. Pertandingan ini akan di adakan di Kuala Selangor pada akhir bulan Oktober 2019. Program ini akan diadakan bersempena cuti penggal persekolahan diharapkan akan dapat menarik ramai pengunjung termasuk akan diadakan promosi untuk pelancong luar.
10. Lepak Seni merupakan program anjuran MBSA dan PADAT terlibat secara lansung dalam program ini. Pengisiannya adalah persembahan kebudayaan dan permainan tradisional. Program ini juga wadah untuk mempromosikan Shah Alam sebagai kota seni kepada para pelancong.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN  
(N53 MORIB)**

**TAJUK : BANTUAN KASIH IBU SMART SELANGOR**

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah-langkah pemutihan untuk penerima bantuan Kasih Ibu Smart Selangor?
  
- b) Adakah penggunaan sistem E-Kasih masih berjalan?

**JAWAPAN:**

Soalan ini dijawab bersekali dengan soalan no.250 dari Yang Berhormat Balakong.

Program Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) telah mendapat sambutan luar biasa dikalangan golongan ibu di Selangor yang ternyata memberikan manfaat bagi meneruskan kelangsungan hidup dan amat membantu dalam mengurangkan beban keluarga.

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, pemberian KISS masih diteruskan seperti biasa dan tiada isu pembekuan sementara kad KISS bagi mengatasi masalah teknikal. Ketika ini Kerajaan Negeri sedang menjalankan langkah-langkah pemutihan selaras dengan penjajaran program-program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) secara keseluruhan oleh Kerajaan Negeri termasuklah penerima-penerima KISS melalui kerjasama yang komprehensif dengan jabatan di peringkat Persekutuan yang mempunyai sistem pangkalan data yang boleh dimanfaatkan dan dimaksimakan penggunaannya khususnya bagi tujuan verifikasi pendapatan di peringkat Kerajaan Negeri iaitu daripada:

- (1) Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) yang bersetuju untuk membuat semakan silang senarai penerima KISS sedia ada dengan sistem di bawah kendalian ICU JPM yang merupakan sebuah Pangkalan Data Kemiskinan Nasional iaitu Sistem eKasih; dan
  
- (2) Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) yang juga bersetuju untuk membuat semakan silang secara holistik bukan sahaja melalui Bantuan Sara Hidup (BSH) tetapi juga semakan silang bersama 17 agensi kerajaan lain.

Sehubungan itu, setelah hasil semakan silang ini diperolehi daripada jabatan/agensi yang telah dinyatakan itu tadi maka langkah seterusnya akan disusuli dengan pemakluman melalui surat kepada para penerima dan taklimat kepada semua pejabat Ahli-Ahli Yang Berhormat akan dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat juga, langkah-langkah pemutihan yang akan dilaksanakan bagi tujuan penjajaran IPR secara keseluruhan ini akan dimuktamadkan pada sesi Retreat Exco Kerajaan Negeri Selangor yang akan diadakan pada 31 Mac hingga 2 April 2019.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD IMRAN BIN TAMRIN  
(N03 SUNGAI PANJANG)**

**TAJUK : GRED PREMIS BERSIH**

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri masih meneruskan program pengredan premis bersih ?
- b) Nyatakan jumlah premis yang telah digredkan pada tahun 2018 ?

**JAWAPAN:**

- a) Program Pengredan Premis Bersih masih diteruskan bagi mengekang masalah penyakit bawaan makanan dan air seperti keracunan makanan, tifoid, kolera, disentri dan Hepatitis A. Melalui Pengredan Premis Makanan, pemeriksaan premis akan diberikan sijil penarafan Gred berdasarkan 3 bentuk pengiktirafan iaitu:

Pengiktirafan Premis	Penarafan GRED	Julat Pemarkahan
AMAT BERSIH	A	86 - 100
BERSIH	B	71 - 85
KURANG BERSIH	C	51 - 70

Bagi premis yang mendapat markah 50% dan ke bawah, tindakan susulan akan diadakan yang boleh membawa kepada **PENUTUPAN PREMIS**.

- b) Jumlah premis yang telah digredkan pada tahun 2018 adalah seperti berikut :

PBT	JUMLAH PREMIS	Gred A	Gred B	Gred C	TUTUP	TIADA GRED
MBSA	519	295	199	25	-	-
MBPJ	1033	673	330	30	-	-
MPK	1153	383	531	239	-	-
MPAJ	1001	267	668	66	-	-
MPSJ	1743	444	761	491	47	-

<b>MPS</b>	1523	279	1195	49	-	-
<b>MPKj</b>	1059	166	740	138	15	-
<b>MPSp</b>	1667	961	649	-	-	57
<b>MDKL</b>	388	51	277	31	29	-
<b>MDHS</b>	531	215	286	30	-	-
<b>MDKS</b>	358	99	197	62	-	-
<b>MDSB</b>	145	13	120	12	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>11,120</b>	<b>3846</b>	<b>5953</b>	<b>1173</b>	<b>91</b>	<b>57</b>

Nota : Sumber data daripada PBT Negeri Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI  
(N43 SEMENTA)**

**TAJUK : PETANI MUDA**

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan bilangan petani muda yang dapat manfaat daripada Program Petani Muda. Sila nyatakan mengikut daerah.
- b) Apakah jenis tanaman yang digalakkan untuk mereka menceburi bagaimana memudahkan mereka mendapat kemudahan pinjaman kewangan?

**JAWAPAN:**

- a) Bilangan petani muda yang mendapat manfaat di bawah Program Agroprenuer Muda mengikut daerah adalah seperti berikut:

Bil	Daerah	Bilangan petani muda
1	Sabak Bernam	38
2	Kuala Selangor	32
3	Hulu Selangor	12
4	Kuala Langat	21
5	Klang	26
6	Hulu Langat	11
7	Sepang	15
8	Gombak dan Petaling	17

- b) Jenis tanaman yang digalakkan mengikut kesesuaian lokasi, pasaran dan kemahiran petani. Antara tanaman yang banyak diusahakan adalah tanaman rock melon secara fertigasi, sayur-sayuran, buah-buahan cendawan, ternakan kelulut dan industri asas tani. Peserta yang menyertai program ini akan dibantu bagi mendapat kemudahan pembiayaan sama ada melalui Agro Bank dan/atau TEKUN Nasional.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN MICHELLE NG MEI SZE  
(N31 SUBANG JAYA)**

**TAJUK : KESIHATAN MENTAL**

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status pelaksanaan "*lay counsellors*" bagi menangani isu kesihatan mental?

**JAWAPAN:**

- a) Kursus "*Lay Counsellors*" telah mula dilakukan kepada kakitangan barisan hadapan Kerajaan Negeri yang sentiasa berhadapan dengan masyarakat. Pada tahun 2018, Jawatankuasa Tetap Kesihatan telah menganjurkan 2 kursus "*lay counsellors*" kepada Penyelia Pusat Wanita Berdaya (PWB) dan Penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat (PKM).

Pada tahun 2019, sebanyak 5 kursus "*lay counsellors*" telah dirancang untuk diberikan kepada beberapa kumpulan barisan hadapan kerajaan termasuk Ketua Kampung, Penyelaras PEBT, Pegawai Khidmat Pelanggan dan Ahli Majlis. Kursus ini akan dijalankan oleh kaunselor yang bertauliah dan modul yang akan disampaikan adalah bertepatan dengan bidang tugas kumpulan tersebut.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MAZWAN BIN JOHAR  
(N26 SUNGAI RAMAL)**

**TAJUK : TANAH REZAB MELAYU**

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk menawarkan kepada pemilik tanah pajakan yang hampir tamat tempoh pajakannya untuk menukar status tanah mereka kepada rezab Melayu sebagai insentif dan usaha untuk menambah keluasan kawasan pegangan tanah rezab Melayu?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman YB, Kerajaan Negeri belum mempunyai perancangan khusus untuk ditawarkan kepada pemilik tanah yang hampir tamat tempoh pajakannya untuk menukar status tanah mereka kepada rezab Melayu, sebagai inisiatif dan usaha untuk menambah keluasan kawasan pegangan tanah rezab Melayu.

Namun, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa berusaha secara berterusan untuk mengekalkan keluasan rezab Melayu sedia ada yang berkeluasan 406,042.1999 ekar (data sehingga Disember 2018). Keluasan sedia ada adalah masih dalam keadaan terkawal dan dipantau secara rapi. Pemantauan ini dibuat melalui pemakaian Pekeliling PTGS Bilangan 7/2001 mengenai Dasar dan Garis Panduan Pembatalan dan Penggantian Tanah Rizab Melayu dan Pekeliling PTGS Bilangan 3/2015 mengenai Garis Panduan Urusan Pembatalan dan Penggantian Tanah Rizab Melayu (TRM) Semasa Pengambilan Tanah Bagi Tujuan Awam Atau Kemudahan Awam Bagi Kegunaan Kerajaan Negeri Dan Kerajaan Persekutuan Di Negeri Selangor Darul Ehsan.

Usaha ini telah mendapat pengiktirafan daripada Kerajaan Malaysia melalui penerimaan Sijil Penghargaan Amalan Terbaik Pengumpulan Data Tanah Rezab Melayu yang telah disampaikan oleh YAB Dato' Sri Dr. Wan Azizah bt. Dr. Wan Ismail semasa Mesyuarat Majlis Tanah Negara yang diadakan pada 3 Disember 2018.

Tanah-tanah yang dimiliki oleh orang Melayu yang tidak terletak dalam kawasan tanah rizab Melayu boleh mendapat insentif tanah rezab Melayu dengan syarat mereka perlu memohon menukar status tanah milik mereka kepada tanah rezab



Melayu pegangan Melayu. Proses ini perlu mendapat kelulusan Kerajaan Negeri untuk tanah milik mereka diisytiharkan sebagai tanah rezab Melayu selaras dengan peruntukan Seksyen 3 Enakmen Rizab Melayu Bab 142 (ERM 1933).

Berdasarkan Pekeliling PTGS Bil.3/1994 mengenai Kelulusan Dasar, Tatacara Dan Pemberian Insentif Bagi Membangunkan Tanah Rizab Melayu Di Negeri Selangor. Antara insentif yang ditawarkan adalah pengurangan kadar premium, caruman parit dan caruman kubur sebanyak 50% dan premium tambahan dikenakan sebanyak 12.5% daripada kadar asal ke atas kelulusan tanah.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PROJEK LEBUHRAYA PERSISIRAN PANTAI BARAT (WCE)**

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan status terkini pembinaan WCE terutama laluan Seksyen 7 dari Assam Jawa ke Tg. Karang?
- b) Berapa jumlah peningkatan kos akibat kelewatan dari tarikh siap pembinaan?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman YB, Kerajaan Negeri telah dimaklumkan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bahawa status kemajuan pembinaan jajaran dari Assam Jawa ke Tg Karang sehingga 28 Februari 2019 adalah sebanyak 13.99%. Jajaran daripada Persimpangan Assam Jawa sehingga sekitar Ladang Sungai Terap sepanjang 19.5km ini sedang dalam pembinaan iaitu dalam peringkat kerja-kerja rawatan tanah dan kerja-kerja penanaman cerucuk bagi pembinaan jambatan manakala jajaran daripada Ladang Sungai Terap ke Persimpangan Tg Karang sepanjang 10km telahpun dimulakan dan dalam proses reka bentuk terperinci dan penyediaan pelan pengambilan tanah.
- b) Pembinaan Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE) dilaksanakan secara penswastaan oleh syarikat konsesi West Coast Expressway Sdn. Bhd (WCESB) bermula dari 25 Ogos 2014 dan tarikh siap pada 24 Ogos 2019. Sebarang kos akibat kelewatan dari tarikh siap pembinaan adalah di bawah tanggungan pihak syarikat konsesi dan tiada kos tambahan kepada kerajaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING  
(N37 BUKIT LANJAN)**

**TAJUK : IPR DAN E-KASIH**

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah database peserta-peserta program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) akan dikaitkan dengan database E-Kasih?
- b) Kalau ya, sila beri tempoh masa penyelarasan kedua-dua database ini akan bermula
- c) Adakah penerima bantuan Lembaga Zakat Selangor dimasukkan ke dalam database E-Kasih secara automatik?

**JAWAPAN:**

Soalan ini akan dijawab bersekali dengan soalan daripada:

Y.B. Tuan Mohd Fakhrurazi Bin Mohd Mokhtar (MERU) – soalan 69 & 207;

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (MORIB) – soalan 86;

Y.B. Puan Wong Siew Ki (BALAKONG) – soalan 165; dan

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungip (HULU KELANG) – soalan 248

Tuan Speaker,

Ramai dikalangan Ahli Dewan Negeri telah membangkitkan mengenai Penjajaran Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) dan juga Data eKasih yang merupakan salah satu inisiatif Kerajaan Negeri masa kini.

Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) adalah penjenamaan semula Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) yang dilaksanakan sejak 10 tahun yang lalu.

Retreat EXCO 2018 pada 13 hingga 16 Ogos 2018 telah memutuskan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) untuk membentangkan keberkesanan dan

keperluan penjajaran program IPR dengan mengambil kira perkara seperti berikut :

- i) Penekanan konsep daripada pemberian kepada pengupayaan (*empowerment*);
- ii) Penekanan kepada program-program kesedaran; dan
- iii) Fokus kepada kumpulan sasaran yang tepat.

Berdasarkan Ucapan Belanjawan 2019 pada 23 November 2018 telah diumumkan bahawa agenda pelaksanaan program-program IPR akan diteruskan secara lebih holistik dan tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemeraksanaan kepada penerima manfaat IPR di Selangor.

Selain itu, penjajaran IPR juga akan mengambil kira perkara seperti berikut:

- i) Penekanan konsep daripada pemberian kepada pengupayaan (*empowerment*);
- ii) Penekanan kepada program-program kesedaran; dan
- iii) Fokus kepada kumpulan sasaran yang tepat.

Merujuk kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 1/2019 melalui cabutan minit yang telah disahkan pada 26 Januari 2019 telah memutuskan bahawa keperluan mengenai penjajaran dan penyusunan semula IPR perlu dimuktamadkan segera mengikut cadangan oleh Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).

Sehubungan itu, UPEN telah menganjurkan Persidangan Pengendali IPR pada 25 hingga 26 Februari 2019 bertempat di Hotel *Best Western, i-City* Shah Alam dengan menghimpunkan sebanyak 43 pengendali IPR Negeri Selangor bagi membincangkan cadangan penjajaran dasar dan program IPR sedia ada dan seterusnya memperkasakan pelaksanaan dasar Kerajaan Negeri Selangor.

Hasil daripada persidangan tersebut, 43 Program IPR telah dicadangkan untuk diijarkan kepada 3 kategori utama iaitu seperti berikut:

- i) Diteruskan seperti ada (merangkumi 20 Program IPR);

- ii) Diteruskan Dengan Penjajaran iaitu secara:
  - a) Pindaan dari segi perubahan program, syarat kelayakan, mekanisme pelaksanaan, kuota penerima dan lain-lain pindaan (merangkumi 14 Program IPR); dan
  - b) Kolaborasi dengan program IPR sedia ada (merangkumi 9 Program IPR)

(Rujuk lampiran I untuk butiran lanjut)

Walau bagaimanapun, kesemua cadangan penjajaran program IPR ini akan dibentangkan secara terperinci semasa Retreat Exco yang akan diadakan pada 31 Mac hingga 2 April 2019 bagi mendapatkan keputusan dasar pelaksanaan yang akan dimuktamadkan kelak oleh Kerajaan Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini semua Program IPR masih berjalan seperti biasa dan tidak akan dimansuhkan malah sebaliknya dijajarkan bagi meneruskan pemberian bantuan Kerajaan Negeri secara lebih holistik yang tidak hanya menyajikan pemberian bantuan kebajikan dan simpati semata-mata tetapi memberi daya melalui pemerksaan kepada penerima manfaat IPR Selangor.

Bagi pelaksanaan Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) Selangor, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) bercadang untuk mengadakan kerjasama dengan pihak ICU, JPM supaya Sistem eKasih digunakan sebagai satu sumber data asas dalam proses verifikasi penerima bantuan. Selain itu, UPEN juga sedang dalam peringkat perbincangan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk mengenal pasti kesesuaian penggunaan Data Bantuan Sara Hidup (BSH) dalam proses verifikasi penerima pada masa akan datang.

Pada masa kini, pihak Kerajaan Negeri sedang membangunkan Sistem *Smart* IPR yang dicadangkan sebagai *One Stop Center* untuk semua permohonan IPR melalui portal atau aplikasi *mobile* di mana maklumat permohonan untuk semua skim disimpan dalam satu data berpusat dan boleh diakses oleh semua pihak. Sistem *Smart* IPR ini masih dalam proses pembangunan oleh pihak Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) dan seterusnya akan siap digunakan secara berperingkat mulai Bulan Februari 2020.

- c) Tidak. Hal ini kerana pihak LZS tidak menjalinkan kerjasama dengan pihak E-Kasih, disamping tertakluk kepada Akta PDPA (Akta Perlindungan Data Peribadi).

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN WONG SIEW KI  
(N27 BALAKONG)**

**TAJUK : MASALAH PENGURUSAN KAMPUNG TRADISI**

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan berhasrat untuk menyelaraskan cara pengurusan kampung tradisi?
  
- b) Terdapatnya kampung tradisi yang tidak membayar cukai taksiran dan hal ini mengakibatkan kesukaran PBT membantu dalam hal memperbaiki infrastruktur dalam kampung, adakah kerajaan akan mewujudkan satu pelan untuk menyelesaikan masalah ini?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman dewan yang mulia, Kerajaan Negeri telahpun menyelaraskan cara pengurusan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung ini dengan menggunakan pakai garis panduan yang sedia ada dengan menambahbaik dan memurnikannya selaras dengan garis panduan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB). Antara yang diselaraskan adalah seperti tugas dan tanggungjawab Pengerusi MPKK yang diperhaluskan, syarat-syarat pelantikan umum seperti umur, tahap Pendidikan serta penambahbaikan dari segi prosedur yang berkaitan pelantikan, penamatan dan juga tempoh percubaan mereka sebagai Ketua Kampung (Pengerusi) MPKK.

Sebagai makluman, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 19 September 2018 telah bersetuju untuk menggunapakai nama Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) bagi menggantikan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) serta – merta.

Pengurusan bagi Kampung Tradisi ini akan ditadbir urus oleh individu yang dilantik oleh Kerajaan Negeri sebagai Pengerusi MPKK bagi suatu tempoh yang telah ditetapkan. Tugas dan peranan MPKK ini adalah sebagai pemudahcara dan penghubung antara kerajaan dengan masyarakat setempat dan menjadi perantara di peringkat akar umbi untuk menyampaikan serta melaksanakan dasar-dasar semasa Kerajaan. Mereka ini juga yang akan menyalurkan sebarang

permasalahan atau aduan kepada pihak yang berkaitan untuk tindakan lanjut dan diselesaikan.

Pihak KEMAS juga akan membantu dari segi pengurusan MPKK seperti pelaporan mesyuarat, mengemaskini profil kampung melalui Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional (SPKPN) dan menjadi ex-officio Mesyuarat MPKK bagi memastikan elemen semak dan imbang dapat meningkatkan kecekapan pentadbiran MPKK dapat dicapai.

Selain itu, Pengurusan MPKK yang dipecahkan kepada 11 biro yang ditetapkan juga dapat membantu MPKK bergerak secara efektif dan berkesan dalam memastikan fungsi MPKK itu berada di tahap yang terbaik. Sebagai contoh Biro Ekonomi boleh memfokuskan aktiviti-aktiviti yang boleh meransang serta meningkatkan ekonomi komuniti kampung tersebut manakala Biro Kesihatan pula akan lebih memfokuskan kepada program-program kesedaran kesihatan dan sebagainya yang berkaitan.

MPKK ini beroperasi berdasarkan Tatacara Pengurusan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) yang dikeluarkan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) sebagai rujukan umum. Pihak Kerajaan Negeri sedang mengemaskini dan menambahbaik Garis Panduan – Dasar, Tatacara dan Peraturan Mengenai Pelantikan dan Perkhidmatan Ketua Kampung Tradisi dan Juga MPKK bagi Negeri Selangor untuk digunapakai oleh MPKK sebagai panduan utama bagi mereka dalam menguruskan Kampung Tradisi masing-masing.

b) Tuan Speaker,

Negeri Selangor sebagai negeri yang berkebijakan telah melaksanakan pengecualian cukai taksiran bagi semua Kampung Tradisi bermula dari 1 Januari 2017 dan bayaran tersebut ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri. Pengecualian ini bertujuan untuk mengurangkan beban penduduk kampung yang berdepan dengan isu kos sara hidup yang semakin meningkat. Kampung Tradisi ini terletak di dalam Kawasan pentadbiran PBT tetapi tidak berada dibawah Kawasan operasi mereka. Oleh yang demikian, sesetengah perkhidmatan PBT seperti kutipan sampah, pemotongan rumput dan sebagainya tidak ada di Kampung Tradisi.

Bagi menangani isu dan permasalahan yang melibatkan infrastruktur di Kawasan Kampung Tradisi, pihak yang bertanggungjawab iaitu Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) akan memohon peruntukan daripada Seksyen Agihan dan Pembangunan (AP), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan juga memohon daripada



Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) dan Kementerian Kewangan (MOF) bagi projek-projek yang berkaitan.

Permohonan-permohonan projek pembangunan infrastruktur yang dikemukakan kepada Seksyen Agihan dan Pembangunan, UPEN serta KPLB meliputi projek jalan kampung, longkang, baik pulih balai raya, taman permainan dan lampu jalan kampung manakala bagi projek jalan dan longkang dibawah peruntukan MARRIS akan dipohon kepada MOF.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : SKIM BAS SMART SELANGORKU**

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri membuat kajian keberkesanan skim bas Smart Selangorku dapat meringankan beban rakyat Selangor yang miskin?
- b) Adakah pihak Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengkaji menukar bas Smart Selangorku khas menjadi bas sekolah percuma untuk pelajar sekolah?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri belum mempunyai kajian menyeluruh yang khusus bagi mendapatkan impak keberhasilan terhadap perkhidmatan Bas Smart Selangor dapat meringankan beban rakyat Selangor yang miskin. Namun demikian, kerajaan Negeri yakin bahawa dengan perkhidmatan bas percuma ini secara tidak langsung, rakyat berpendapatan rendah dan sederhana dapat mengurangkan kos perbelanjaan harian bagi perjalanan menggunakan pengangkutan awam, manakala bagi ibu bapa pelajar yang menggunakan perkhidmatan bas ini untuk ke sekolah pula dapat menjimatkan sejumlah wang yang harus diperuntukkan untuk bas sekolah. Penjimatan kos tersebut memberi manfaat kepada rakyat untuk menabung atau digunakan bagi tujuan keperluan harian yang lain.
- b) Kerajaan Negeri belum berhasrat untuk menukar perkhidmatan bas ini kepada bas sekolah percuma untuk pelajar sekolah kerana ia memerlukan kajian teliti termasuk peruntukan kewangan dan akan memberi implikasi yang besar terhadap kewangan negeri, manakala peruntukan Kerajaan Negeri adalah terhad bagi keperluan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang lebih penting dan perlu diutamakan.

Selain daripada itu, pelbagai faktor perlu dipertimbangkan seperti persaingan serta kesan ekonomi ke atas industri pengangkutan bas sekolah khususnya pendapatan pengusaha-pengusaha yang berkaitan. Bagi mencapai matlamat 60 : 40 pengangkutan awam berbanding kenderaan persendirian, perkhidmatan Bas Smart Selangor sedia ada lebih menepati sasaran Kerajaan Negeri untuk mempertingkatkan dan menggalakkan penggunaan kenderaan awam di laluan

sosial berbanding hanya tertumpu pada pelajar sekolah. Ini kerana, pelajar sekolah tidak memberi kesan yang besar terhadap kesesakan lalu lintas, manakala objektif Kerajaan Negeri menyediakan Bas Smart Selangor di laluan sosial adalah lebih tepat bagi mengurangkan jumlah kenderaan di jalan raya.

Walau bagaimanapun, terdapat juga laluan perkhidmatan Bas Smart Selangor yang boleh digunakan oleh pelajar ke sekolah di mana bas tersebut turut melalui kawasan-kawasan persekolahan, institusi pengajian tinggi awam dan swasta. Selain itu, Kerajaan Negeri masih mengekalkan Program Bantuan Sumbangan Subsidi Tambang Sekolah di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang. Program ini merupakan satu bentuk bantuan kerajaan bernilai RM300 yang diberikan kepada setiap anak pekerja ladang dan terbuka kepada anak-anak pekerja ladang ataupun bekas pekerja ladang yang bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Negeri Selangor bagi meringankan beban kos tambang bas sekolah di kalangan pekerja ladang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN JUWAIRIYA BINTI ZULKIFLI  
(N10 BUKIT MELAWATI)**

**TAJUK : INISIATIF BAHARU UNTUK GOLONGAN USAHAWAN DAN PENIAGA  
KECIL**

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam membantu golongan usahawan dan peniaga kecil dalam mengembangkan perniagaan;
- b) Apakah inisiatif baharu untuk membantu golongan usahawan dan peniaga kecil meningkatkan taraf hidup mereka.

**JAWAPAN:**

- a) Setiap tahun Kerajaan Negeri Selangor menyediakan peruntukan bagi membantu usahawan bagi meningkatkan hasil pendapatan dan menjana ekonomi negeri. Berikut merupakan bantuan yang disediakan untuk perniagaan mikro di Negeri Selangor:

1. **Geran Bantuan Perniagaan**

- i) **Dana Usahawan Mikro Selangor**

Program khas berbentuk *non-monetary* untuk membantu usahawan mikro di Negeri Selangor bagi meningkatkan hasil jualan dan sekaligus melahirkan usahawan-usahawan yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju. Seramai 380 usahawan telah menerima manfaat bantuan ini sejak tahun 2015-2018.

Skop bantuan adalah seperti berikut:

- Bantuan pembelian mesin / peralatan / perkakasan;
- Meningkatkan kualiti premis/perniagaan iaitu mengubahsuai/menaiktaraf;
- Pembiayaan sebahagian kos penyertaan usahawan ke ekspo jualan dan promosi di dalam dan luar negara;

- Pembiayaan sebahagian kos untuk pembangunan produk dan pensijilan seperti ujian nutrisi, pendaftaran cap dagang, pencarian dan pendaftaran paten, perlindungan harta intelek, persijilan GMP, HALAL, HACCP, ISO dan lain-lain dalam mematuhi standard nasional, antarabangsa dan menembusi pasaran global; dan
- Lain-lain keperluan yang mempunyai nilai tambah dan mampu melonjakkan pembangunan usahawan mikro di Negeri Selangor.

#### ii) **Pembungkusan Produk *Made In Selangor***

Untuk membawa produk ke tahap yang lebih tinggi Kerajaan Negeri telah mengadakan program ini khususnya kepada usahawan yang sudah bersedia meluaskan pasaran ke pasaraya rantaian dan ke peringkat antarabangsa. Peserta yang mengikuti program ini akan menerima pensijilan produk, carian jenama dan cetakan pembungkusan yang telah diperbaharui.

## 2. **Pinjaman Mikrokredit**

#### i) **Pinjaman HIJRAH Selangor**

HIJRAH Selangor menyediakan pinjaman kewangan berperingkat bermula tahun 2015. Ia merupakan satu sistem pengeluaran modal yang mudah, cepat dan tidak membebankan kepada penjaja dan peniaga kecil yang menghadapi masalah kekurangan modal, dan peluang mendapatkan modal tambahan. Pinjaman berperingkat ini dikategorikan mengikut skim 1 – 4 dan jumlah kelulusan diberikan sehingga RM50,000.00 mengikut syarat-syarat tertentu. Sehingga Februari 2019 seramai 45,088 penerima yang telah diluluskan bagi mendapatkan kemudahan mikrokredit.

#### ii) **Program Skim Zero to Hero**

Skim ini berbentuk "*mentoring system*" yang akan melatih dan memantau usahawan dari peringkat asas sehingga berjaya. Syarikat peneraju (*anchor company*) akan dilantik untuk melatih usahawan baru. Setelah tamat latihan, peserta yang layak akan dipertimbangkan untuk pinjaman HIJRAH Selangor. Syarikat peneraju (*anchor company*) akan membekalkan peralatan dan bahan perniagaan untuk usahawan memulakan perniagaan. Perjalanan perniagaan akan dibimbing/dipantau oleh syarikat peneraju (*anchor company*) selama 6 bulan. HIJRAH Selangor akan memantau seterusnya dan memastikan

perniagaan berjalan dengan baik dan berdaya maju. Kejayaan usahawan berkenaan merupakan kayu pengukur kejayaan HIJRAH Selangor. Setakat ini terdapat 21 peserta yang telah menyertai program skim Zero to Hero dan peserta-peserta tersebut telah dapat menyelesaikan pinjaman kurang dari 1 tahun bagi tempoh pinjaman 3 tahun.

### **3. Program Latihan Keusahawanan**

Selain itu, bagi usahawan di peringkat permulaan, Kerajaan Negeri menganjurkan kursus-kursus bagi memberi pendedahan tentang bagaimana untuk mempersiapkan produk mereka sekurang-kurangnya untuk menembusi pasaraya tempatan. Modul kursus terdiri daripada asas perniagaan dan kewangan, penjenamaan produk, pensijilan produk, *Business Model Canvas* serta pemasaran *Online* dan *Facebook*.

### **4. Program Promosi**

#### **i) Pameran/Ekspo**

Salah satu langkah bagi mengembangkan lagi permintaan pasaran produk para usahawan di negeri Selangor adalah melalui ekspo dan pameran. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan akan menyertai ekspo dan pameran tempatan yang bertaraf antarabangsa seperti *Penang International Halal Expo Conference (PIHEC)*, *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)*, *Selangor International Expo (SIE)*.

Bermula tahun 2017 Kerajaan Negeri telah menyertai pameran antarabangsa ke *China ASEAN Expo (CAEXPO)* di Nanning, China anjuran *People's Government of Guangxi Zhuang Autonomous Region* dan ditaja oleh *Ministry of Commerce, P.R. China*. Kerajaan Negeri Selangor menyertai pameran ini melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) memandangkan badan ini berperanan untuk mempromosi, membantu dan membangunkan perdagangan luar Malaysia dengan memberi penekanan ekspot

terhadap produk keluaran Malaysia. Dianggarkan 10 orang usahawan terpilih setiap tahun akan menyertai pameran ini bagi mewakili Negeri Selangor.

ii) ***Business Matching***

Pada penyertaan pameran dan ekspo di peringkat tempatan dan antarabangsa usahawan berpeluang untuk menyertai sesi *business matching* yang disediakan. Produk usahawan dipadansuai kepada potensi pembeli dari syarikat/negara yang menyertai pameran tersebut.

5. **Program di bawah agensi**

i) **Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS)**

• **Program Perintis Usahawan (PPU)**

Program Perintis Usahawan ini telah mula dilaksanakan pada tahun 2007 dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (dulu dikenali sebagai Jabatan Pelajaran Negeri Selangor). Objektif program ini adalah untuk memupuk semangat keusahawanan dikalangan pelajar-pelajar sekolah rendah. Enam (6) buah sekolah rendah telah terpilih sejak dimulakan pada tahun 2007.

• **Program Tunas Niaga (PROTUNe)**

Dalam membudayakan usahawan muda yang berjaya dan berpengetahuan, Program Tunas Niaga (PROTUNe) telah diperkenalkan di Negeri Selangor pada tahun 1998 oleh Kementerian Pembangunan Usahawan & Koperasi (MECD).

• **Program Usahawan Siswazah (GROW)**

Program Usahawan Siswazah merupakan satu inisiatif yang diwujudkan untuk membantu golongan siswazah yang berminat menceburi bidang keusahawanan. Modul kursus selama 6 bulan ini membantu para peserta dalam mengendalikan perniagaan dari peringkat awal sehingga berjaya.

- b) Dalam usaha untuk membantu usahawan berkembang dengan lebih pesat, Kerajaan Negeri tidak menumpukan kepada pembangunan promosi di hub-hub perniagaan sedia ada sahaja malahan dalam masa yang sama merancang untuk menggalakkan lebih ramai usahawan berniaga melalui hub *virtual*. Ini merupakan anjakan medium perniagaan yang berbentuk statik atau tradisional kepada teknologi terkini. Usahawan wajar mengambil inisiatif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri melalui SITEC yang menawarkan platform penjualan produk melalui atas talian. Selain itu SITEC dan PKNS Bizpoint ada menyediakan fasiliti ruang pejabat yang dilengkapi dengan utiliti dengan kadar sewa yang berpatutan. Oleh itu, usahawan mikro yang memerlukan ruang pengurusan tidak perlu menyewa/ membeli ruang pejabat konvensional yang memerlukan kos *overhead* yang tinggi. Penglibatan usahawan di dalam hub *virtual* dilihat sebagai kaedah yang dapat meluaskan pasaran dengan lebih cepat dan kos efektif. Sebagai contoh platform atas talian seperti *Lazada, Shoppe, Fashion Valet, GroupOn, Zalora, Alibaba.com* dan lain-lain. Mekanisme ini dilihat lebih dekat dengan pembeli / pengguna.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH  
(N28 SERI KEMBANGAN)**

**TAJUK : ISU BANJIR DI JALAN KUYUH, KAMPUNG BARU SERI KEMBANGAN**

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan bila projek penaiktarafan rumah pam akan disiapkan dan mula berfungsi.
- b) Berapa jumlah kos keseluruhan?
- c) Adakah projek ini mengalami kelewatan?

**JAWAPAN:**

- a) Tarikh siap projek ini adalah pada 15 Mac 2019. Status terkini projek adalah dalam proses TNB bagi pemasangan meter bagi bekalan elektrik. Dijangkakan terdapat lanjutan masa sehingga 14 Jun 2019. Status semasa kemajuan fizikal ditapak adalah 100% (Jadual) / 98% (Sebenar)
- b) Jumlah kos keseluruhan projek ini adalah sebanyak RM 3,798,393.19.
- c) Projek ini telah mengalami kelewatan daripada tarikh siap asal yang pada awalnya adalah 31.05.2018. Sebanyak Empat (4) perakuan Extension of Time (EOT) telah diluluskan kepada pihak kontraktor seperti berikut :
  - i) **EOT 1**  
01.06.2018 – 31.08.2018 (92 hari)  
EOT 1 adalah disebabkan oleh keperluan TNB bagi pembinaan struktur Compact Sub yang tidak termasuk di dalam skop asal kontrak.
  - ii) **EOT 2**  
01.09.2018 – 26.11.2018 (87 hari)  
EOT 2 adalah disebabkan kelewatan kelulusan struktur TNB Compact Sub disebabkan ulasan-ulasan TNB dari Lawatan Inspection (PIAT) seperti berikut :

1. Kontraktor perlu memastikan Earthing Terminal adalah disahkan di tapak.
2. Kontraktor perlu menjalankan Ujian Earthing (*Earthing Test*) di tapak oleh Service Engineer yang bertauliah dan perlu memajukan laporan lengkap kepada pihak TNB untuk kelulusan.
3. Kontraktor perlu memasang papan tanda pencawang dan signage amaran keselamatan yang berkaitan di tapak projek.
4. Kontraktor perlu membuat kerja-kerja pemecahan (*hacking*) bagi struktur Base tengah compact iaitu di Bahagian LV.
5. Kontraktor perlu memasang lapisan Epoxy pada layer yang pertama bagi compact sub yang dibina.

**iii) EOT 3**

27.11.2018 – 05.01.2019 (40 hari)

EOT 3 adalah disebabkan kelewatan kelulusan permohonan sambungan bekalan elektrik dari TNB. Tambahan masa adalah perlu bagi lantikan service Engineer dan terdapat keperluan Earthing Test di tapak yang perlu melepasi syarat nilai Ohm ditetapkan TNB.

**iv) EOT 4**

06.01.2019 – 15.03.2019 (69 hari)

EOT 4 adalah disebabkan kelewatan proses kelulusan permohonan permit dari MPSJ bagi korekan jalan untuk kerja-kerja penyambungan kabel oleh pihak TNB. Traffic Management Plan (TMP) dan method statement perlu dilengkapkan sebelum diluluskan oleh MPSJ untuk nilai cagaran yang perlu dibayar oleh pihak kontraktor TNB.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN ROZANA BINTI ZAINAL ABIDIN  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK : PROGRAM PEMBANGUNAN ANAK MUDA**

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan tempat perniagaan untuk golongan usahawan anak muda terutamanya di DUN Permatang?
- b) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk Program Pembangunan Anak Muda?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri sentiasa prihatin terhadap masalah dan cabaran yang dihadapi oleh belia Selangor berikutan kos hidup yang semakin meningkat. Sehubungan itu, program turut menitikberatkan tentang aspek penyediaan ruang dan peluang untuk generasi muda berkecimpung dalam dunia perniagaan serta memastikan pembangunan Negeri yang mampan.

Justeru itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan pelbagai insentif kepada belia di Selangor untuk membangunkan mereka sebagai usahawan yang berjaya dan juga untuk merangsang aktiviti keusahawanan dalam kalangan belia di Selangor melalui bantuan perniagaan yang disediakan kepada anak muda seluruh Negeri Selangor termasuklah untuk anak muda di Dun Permatang.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan kemudahan penyediaan sewaan premis perniagaan kepada golongan usahawan seperti di Uptown Shah Alam dan Pasar Seri di Giant, Seksyen 13, Shah Alam.

- b) Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda dan Sukan sentiasa menitikberatkan aspek pembangunan generasi muda dan sukan dalam usaha untuk melahirkan generasi muda yang sentiasa berdaya saing, bersatu-padu, bekerjasama, berwawasan, aktif dan sihat sejajar dengan arus pembangunan pada masa kini.

Justeru itu, Kerajaan Negeri telah mewujudkan Dasar Belia Negeri Selangor pada tahun 2014 sebagai panduan kepada Pembangunan Generasi Muda di Selangor.

Dasar Belia Selangor mengandungi 10 teras iaitu Keusahawanan dan Pekerjaan, Kepimpinan dan Organisasi, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kemasyarakatan, Jaringan dan Kesukarelawanan, Kebudayaan dan Kesenian, Kesejahteraan dan Kesihatan, Sukan dan Kecergasan, Agama dan Spiritualiti dan Pengantarabangsaan.

Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM15,206,800.00 untuk Pembangunan Generasi Muda dan Sukan di Negeri Selangor. Melalui peruntukan tersebut, sebanyak RM4,966,800.00 dikhususkan untuk melaksanakan program-program pembangunan generasi muda dengan pecahan sebanyak RM2,836,800.00 kepada Penggerak Belia Tempatan (PeBT) bagi menjalankan program-program pembangunan generasi muda dengan kerjasama oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan sebanyak RM2,130,000.00 bagi menjalankan program-program pembangunan generasi muda di peringkat Negeri.

Di samping itu, sebanyak RM3,240,000.00 pula telah diperuntukkan untuk Projek Menaiktaraf dan Membaikpulih Infrastruktur Sukan di Negeri Selangor yang bertujuan untuk memastikan kemudahan-kemudahan sukan tersebut dapat digunakan untuk tujuan aktiviti kesukanan terutamanya untuk pembangunan anak muda di Selangor dalam usaha untuk melahirkan anak muda yang sentiasa aktif, sihat, proaktif dan berdaya saing.

Kerajaan Negeri juga sentiasa peka dan prihatin terhadap aspek pembangunan dan memartabatkan sukan di Negeri Selangor. Peruntukan sebanyak RM7,000,000.00 telah diperuntukkan untuk melaksanakan program-program pembangunan sukan dan persediaan bagi menyertai Sukan Malaysia (SUKMA) pada tahun 2020 melalui Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS). Manakala peruntukan sebanyak RM12,000,000.00 pula telah diperuntukkan bagi Pembangunan Bola Sepak Negeri Selangor.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM300,000.00 bagi menjalankan Program Karnival Kerjaya dengan kerjasama Jabatan Tenaga Kerja Selangor (JTK) dan Job Malaysia bagi memberi peluang kepada generasi muda untuk mendapatkan peluang pekerjaan dan mengurangkan kadar pengangguran Selangor.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN EDRY FAIZAL BIN EDDY YUSOF  
(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK : ISU SAMPAH YANG TIDAK MENDAPAT SERVIS PBT**

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan isu sampah di kawasan kampung-kampung yang tidak mendapat servis kerajaan tempatan?

**JAWAPAN:**

- a) Dalam usaha untuk menyelesaikan isu sampah di kawasan kampung-kampung, Kerajaan Negeri melalui PBT telah melantik kontraktor perkhidmatan kutipan sampah berjadual di kawasan kampung melalui syarikat Kumpulan Darul Ehsan Berhad Waste Management Sdn. Bhd. (KDEBWM) secara berperingkat. Selain itu, tong sampah (*leach bin*) akan diletakkan secara berpusat di lokasi yang sesuai dan boleh diakses oleh lori kompaktor. Setakat ini sebanyak **373 buah kampung** di Negeri Selangor telah mendapat perkhidmatan kutipan sampah.

**MAKLUMAT TAMBAHAN  
BILANGAN KAMPUNG YANG MENERIMA PERKHIDMATAN KUTIPAN SAMPAH  
MENGIKUT PBT NEGERI SELANGOR**

<b>BIL.</b>	<b>PBT</b>	<b>BILANGAN KAMPUNG</b>	<b>PERKHIDMATAN KONTRAKTOR</b>
1.	MDKS	44 buah	<b>111 buah</b> Kampung Kontraktor lantikan PBT sendiri
2.	MDKS	35 buah	
3.	MDKL	32 buah	
4.	MDSB	79 buah	<b>262 buah</b> kampung Kotraktor lantikan KDEBWM
5.	MPKj	51 buah	
6.	MDHS	33 buah	
7.	MPS	31 buah	
8.	MPK	29 buah	
9.	MPSp	19 buah	
10.	MPAJ	14 buah	
11.	MPSJ	5 buah	
12.	MBPJ	1 buah	
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>373 buah</b>	

\*Sumber: PBT dan KDEBWM

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN AZMIZAM BIN ZAMAN HURI  
(N46 PELABUHAN KLANG)**

**TAJUK : KILANG HARAM**

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan kilang-kilang haram yang telah berjaya dihentikan operasi dan ditutup sepenuhnya?
- b) Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa pengusaha kilang terbabit tidak meneruskan operasi selepas diperintahkan oleh Kerajaan Negeri?

**JAWAPAN:**

- a) Sepanjang tempoh PPCTK di Negeri Selangor berkuatkuasa bermula dari Julai 2006 sehinggalah berakhir pada 31 Disember 2015, hanya 630 buah kilang berjaya diputihkan yang bermaksud telah mempunyai kelulusan tukar syarat, kebenaran merancang dan pelan bangunan. Laporan Kemajuan Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) adalah seperti di **Lampiran A**.
- b) Kerajaan Negeri Selangor mengambil berat tentang pelanggaran syarat nyata tanah terutamanya tanah-tanah pertanian yang telah didirikan kilang tanpa kebenaran. Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 5/2019 bertarikh 20 Februari 2019 dan disahkan oleh MMKN ke 6/2019 bertarikh 27 Februari 2019 telah bersetuju untuk meneruskan **Program Pemuatuhan Syarat Dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran** seperti yang telah dilaksanakan pada tahun sebelum ini. MMKN bersetuju agar satu tempoh masa yang terhad sahaja diberikan kepada kilang yang beroperasi tanpa kebenaran ini untuk membuat tindakan sepatutnya dan selepas tempoh tersebut tindakan penguatkuasaan perlu diambil dengan tegas. Tindakan tegas akan dikenakan terhadap pemilik berdaftar tanah yang melanggar syarat kegunaan tanah dan pengusaha kilang yang beroperasi di atas tanah yang bukan syarat kegunaan industri. Pejabat Daerah dan Tanah serta Majlis Bandaraya/ Perbandaran/ Daerah bersama-sama agensi kerajaan yang lain akan mengenakan tindakan di bawah undang-undang yang sedang berkuatkuasa.

## Lampiran A

### LAPORAN KEMAJUAN PEMUTIHAN KILANG TANPA KEBENARAN MENGIKUT KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI (DUN)

Daerah	PBT	Jumlah				Statistik Kilang Tanpa Kebenaran (Mengikut Kawasan DUN)						
		Lot	Kilang	Jum. Lot	Jum. Kilang	Kawasan DUN		Jum. Yang Telah Diputihkan	Jum. (PBT)	Jum. Yang Belum Diputihkan	Jum. (PBT)	
Petaling	MBSA	787	705	952	977	N38	Paya Jaras	Seksyen	3	78	14	627
						N39	Kota Damansara	U3	3		14	
						N38	Paya Jaras	Seksyen	6		95	
						N39	Kota Damansara	U4	6		94	
						N39	Kota Damansara	Seksyen U6	26		57	
						N40	Kota Anggerik		27		58	
						N42	Meru	Seksyen U14	0		3	
						N42	Meru	Seksyen U15	0		3	
						N38	Paya Jaras	Seksyen	4		145	
						N39	Kota Damansara	U19	3		144	
	MBPJ	20	20			0	0	17	20			
						0		3				
	MPSJ	145	252			0	0	104	252			
						0		18				
						0		38				
						0		88				
						0		4				

Daerah	PBT	Jumlah				Statistik Kilang Tanpa Kebenaran (Mengikut Kawasan DUN)							
		Lot	Kilang	Jum. Lot	Jum. Kilang	Kawasan DUN		Jum. Yang Telah Diputihkan	Jum. (PBT)	Jum. Yang Belum Diputihkan	Jum. (PBT)		
Klang	MBSA	226	227	761	848	N40	Kota Anggerik	Seksyen 16	4	13	37	214	
						N50	Sri Muda	Seksyen 25	1		22		
						N50	Sri Muda	Seksyen 32	1		45		
						N49	Sungai Kandis	Seksyen 34	3		37		
						N49	Sungai Kandis	Seksyen 35	1		21		
						N48	Sentosa	Seksyen 36	0		26		
						N49	Sungai Kandis		3		26		
	MPK	535	621				N40	Kota Anggerik		2	100	0	435
							N41	Batu Tiga		0		6	
							N42	Meru		15		63	
							N43	Sementa		6		199	
							N44	Selat Klang		4		10	
							N45	Bandar Baru Klang		6		24	
							N46	Pelabuhan Klang		59		78	
							N47	Pandamaran		1		3	
							N48	Sentosa		5		28	
							N49	Sungai Kandis		2		24	
Hulu Langat	MPKJ	351	389	351	428	N23	Dusun Tua		4	236	2	153	
						N24	Semenyih		22		40		
						N25	Kajang		9		13		
						N26	Sungai Ramal		23		19		
						N27	Balakong		178		79		
	MPAJ	0	39				Bukit Antarabangsa		0		39	39	



Daerah	PBT	Jumlah				Statistik Kilang Tanpa Kebenaran (Mengikut Kawasan DUN)				
		Lot	Kilang	Jum. Lot	Jum. Kilang	Kawasan DUN	Jum. Yang Telah Diputihkan	Jum. (PBT)	Jum. Yang Belum Diputihkan	Jum. (PBT)
Gombak	MPAJ	0	0	137	157	-	0			0
	MPS	137	157			N13 Kuang	0	23	16	114
						N14 Rawang	4		37	
						N16 Sungai Tua	9		51	
						N37 Bukit Lanjan	10		10	
Sepang	MPSp	64	55	64	55	N55 Dengkil	47	55	0	0
						N56 Sungai Pelek	8		0	
Kuala Langat	MDKL	177	196	177	196	N51 Sijanggang	62	98	26	98
						N52 Banting	19		33	
						N53 Morib	11		11	
						N54 Tanjung Sepat	3		24	
						N55 Dengkil	3		4	
Kuala Selangor	MDKS	149	149	149	149	N08 Sungai Burong	1	7	6	142
						N09 Permatang	1		23	
						N10 Bukit Melawati	1		27	
						N11 Ijok	1		44	
						N12 Jeram	3		42	
Hulu Selangor	MDHS	23	53	23	53	Kuala Kubu Baru	4	16	4	37
						Batang Kali	11		22	
						Hulu Bernam	1		11	
Sabak Bernam	MDSB	24	22	24	22	N01 Sungai Air Tawar	0	4	1	18
						N02 Sabak	2		5	
						N03 Sungai Panjang	0		4	
						N04 Sekinchan	2		8	
Jumlah		2,638	2,885	2,638	2,885	Jumlah	630	630	2,149	2,149

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LAU WENG SAN  
(N52 BANTING)**

**TAJUK : RANCANGAN PERBELANJAAN MODAL AIR SELANGOR SEBANYAK  
RM30BIL**

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Air Selangor akan menguruskan bekalan air ke seluruh Negeri Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya bermula 1 April 2019. Apakah ringkasan rancangan perbelanjaan modal sebanyak RM30bil untuk tempoh 30 tahun yang boleh dilaporkan kepada Dewan untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan air?

**JAWAPAN:**

- a) Rancangan perbelanjaan modal sebanyak RM30 bilion bagi tempoh 30 tahun tersebut adalah berdasarkan cadangan yang telah dikemukakan di dalam Draf Rancangan Perniagaan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd ('Air Selangor') kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara ("SPAN").

Cadangan tersebut masih sedang diperhalusi oleh pihak SPAN. Mengikut ketetapan yang telah dipersetujui melalui Perjanjian Tambahan Ketiga bagi Penstrukturan Air di Selangor yang telah ditandatangani pada 4 Januari 2019 tempohari, Air Selangor akan diberi tempoh sehingga empat (4) bulan setelah tarikh kuatkuasa lesen perkhidmatan untuk menyiapkan Rancangan Perniagaan bagi kelulusan SPAN.

Pihak Kerajaan Negeri menjamin rancangan perniagaan tersebut telah mengambil kira pelbagai aspek bukan sahaja untuk memastikan kelangsungan perkhidmatan bekalan air pada hari ini, malahan ia haruslah mampan dan *forward-looking* di dalam memastikan setiap pelaburan yang dibuat itu, menjana hasil seperti yang dikehendaki.

Secara ringkasnya, rancangan perbelanjaan modal tersebut mengambil kira keperluan untuk memastikan kemampuan (sustainability) perkhidmatan air itu sendiri, dengan pembinaan loji-loji baru, baik pulih loji-loji sedia ada, peningkatan rezab margin, penambahbaikan keandalan (reability) dan ketahanan aset, meningkatkan kecekapan operasi, pematuhan kualiti air, menambahbaik mutu khidmat pelanggan, penurunan kadar Air Tidak Berhasil (Non-Revenue Water) antara lain dengan penggantian paip-paip lama dan paip-paip komunikasi; termasuk penggunaan teknologi terkini, dan sebagai sebuah syarikat yang bertanggungjawab, Air Selangor turut komited di dalam mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif dan mesra alam.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN CHUA WEI KIAT  
(N14 RAWANG)**

**TAJUK : E-SPORT**

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan program dan peruntukan yang telah digunakan untuk pembangunan E-Sport sejak tahun 2013.
- b) Apakah pendirian kerajaan atas permohonan lesen peniagaan untuk pusat siber yang berkaitan dengan pembangunan E-Sport?
- c) Apakah rancangan kerajaan untuk membangunkan infrastruktur bagi E-Sport?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri memalui Jawatankuasa Pembangunan Generasi Muda telah mula memberikan perhatian terhadap sukan E-Sport dan menjadi negeri pelopor dalam penganjuran E-Sport ini. Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif dengan membelanjakan hampir RM1.2 juta sejak 2014 sehingga 2018 untuk penganjuran sukan E-Sports dengan melaksanakan setiap tahun program seperti '*Selangor Cyber Games*'. Program ini banyak memberi peluang kepada anak muda mengetengahkan bakat di dalam bidang yang sedang membangun ini. Untuk pengetahuan, terdapat banyak penganjuran berskala kecil dijalankan oleh pelbagai pihak seperti Penggerak Belia Tempatan (PeBT), pengusaha pusat siber persendirian, syarikat pembangun permainan 'video games' dan lain-lain pihak. Ini menyumbang kepada perkembangan yang pesat bagi bidang E-Sport di Negeri Selangor.
- b) Kerajaan Negeri melihat aktiviti e-sport sebagai trend baru sukan dan potensinya untuk menjadikan Negeri Selangor sebagai HUB E-Sport Antarabangsa. Walau bagaimanapun, pada masa ini tiada Garis Panduan khusus untuk aktiviti melesenkan e-sport menyebabkan ramai pengusaha e-sport tidak dapat membuka premis.

Justeru itu, Kerajaan Negeri bercadang untuk membuat satu mesyuarat penyelarasan bersama semua PBT bagi mewujudkan satu garis panduan pelesenan sukan elektronik (esports) di pusat siber dan kafe siber serta permainan digital secara atas talian bagi membantu pengusaha E-Sport melaksanakan aktiviti perniagaan secara berlesen dan dapat dikawal mengikut syarat-syarat pelesenan. Kerajaan Negeri juga berpandangan bahawa melesenkan e.-port juga mampu menjana hasil baru pelesenan PBT di Negeri Selangor.

Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dan memahami kehendak trend perniagaan terkini dan dengan wujudnya garis panduan ini diharapkan dapat merancakkan perkembangan e-sport sebagai salah satu budaya sukan sihat untuk komuniti.

- c) Kerajaan Negeri sedang meneliti untuk menyediakan “Pusat Perkembangan E-Sport” bagi mengumpulkan atlet-atlet berprestasi tinggi menjalankan latihan dan tempat mencari bakat baru. Walau bagaimanapun, bagi merealisasikan pembangunan E-Sport dalam infrastruktur dan lain-lain aspek, ia melibatkan dana yang besar.

Oleh kerana itu, Kerajaan Negeri masih menunggu dana khas untuk Pembangunan E-Sport bagi Negeri Selangor daripada Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan pembangunan yang menyeluruh.